

## **BAHAGIAN B : TAKSIRAN KUMPULAN**

[30 markah]

### **NASKHAH CALON**

**(TEMA : ALAM SEKITAR)**

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

### **NASKHAH PENTAKSIR**

**(TEMA : ALAM SEKITAR)**

Pencemaran alam sekitar di negara kita semakin serius dan mendatangkan kesan negatif kepada kehidupan manusia.

Bincangkan.

## **CADANGAN IDEA**

Pencemaran alam sekitar yang berlaku pada masa ini telah mendatangkan beberapa keburukan kepada masyarakat dan negara. Banyak masalah yang telah timbul akibat daripada pencemaran alam sekitar.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku boleh mendatangkan banyak penyakit kepada manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana alam sekitar yang kotor akan menyebabkan pelbagai jenis serangga yang membawa penyakit seperti nyamuk aedes dapat membiak dengan lebih banyak. Umum mengetahui bahawa gigitan nyamuk aedes ini boleh menyebabkan penyakit demam denggi, manakala, udara yang tercemar pula akan menyebabkan masalah pernafasan seperti penyakit asma.

Selain itu, pencemaran alam sekitar juga akan menyebabkan bencana alam. Sebagai contoh, pencemaran di daratan boleh menyebabkan banjir lumpur apabila hujan turun dengan lebat. Bencana alam seperti tanah runtuh boleh berlaku apabila kawasan tanah tinggi telah digondolkan untuk membina kawasan perumahan atau kawasan perindustrian. Selain itu, kejadian banjir kilat juga berpunca daripada kegiatan pembuangan sampah ke dalam sungai hingga menyebabkan pengaliran air sungai ke laut terhalang oleh sampah sarap tersebut.

Pencemaran alam sekitar juga boleh menyebabkan keseimbangan alam sekitar terjejas. Apabila banyak hutan ditebang, kandungan gas oksigen akan berkurangan manakala kandungan karbon dioksida pula meningkat. Pencemaran udara juga akan menyebabkan berlakunya hujan asid. Selain itu menurut kajian, cuaca dunia yang tidak menentu disebabkan oleh kadar pencemaran alam yang semakin bertambah.

Pencemaran alam sekitar yang berlaku juga boleh menyebabkan sektor pelancongan negara terganggu. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak tempat menarik telah tercemar dengan sampah sarap. Pantai-pantai yang cantik juga telah tercemar dengan minyak hitam daripada kapal-kapal laut. Oleh itu, para pelancong tidak mahu datang ke kawasan pelancongan ini dan kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk membersihkan tempat-tempat pelancongan ini.